



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI**

**TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.11/2024**

**25 NOVEMBER 2024 | ISNIN  
9.45 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.11/2024 bagi bulan November** pada pagi yang berbahagia ini.

## 1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1. Untuk makluman, dari **1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024**, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa bagi penggal pertama tahun 2024 sebanyak RM 55.34 juta (94.59%), manakala bagi penggal kedua sehingga 31 Oktober 2024, jumlah kutipan adalah sebanyak RM 47.41 juta (81.04%) daripada RM 117 juta.
- 1.2. Untuk kutipan **tunggakan cukai taksiran** pula, sebanyak RM 8 juta (74.91%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.
- 1.3. Setelah tamat notis caj lewat pada 30 September 2024, Majlis telah melaksanakan tindakan waran tahanan dengan caj sebanyak RM100.00 akan dikenakan kepada akaun yang masih mempunyai tunggakan berjumlah RM200.00 ke atas. Sebanyak 29,124 keping waran telah dikeluarkan dan sebanyak 8,797 waran telah diproses sehingga 31 Oktober 2024.

## 2. MEMPERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MyMPS

2.1 Seterusnya, bagi memudahkan perkhidmatan di MPS, portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) telah dinaiktaraf bagi memudahkan para peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan, kompaun, cagaran, pelan dan pelbagai. Di samping itu juga, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal tersebut.

2.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan **Oktober 2024** adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 40,361 - 93 transaksi
- Sewaan gerai sebanyak RM 290,411 - 872 transaksi
- Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 86,642 - 12 transaksi
- Kompaun sebanyak RM 32,380 - 722 transaksi
- Cagaran sebanyak RM 5,569 - 13 transaksi
- Pelbagai sebanyak RM 31,480 - 12 transaksi
- Pelan - RM 3,653 - 5 transaksi

- 2.3 Dengan jumlah yang telah dinyatakan tadi, jumlah keseluruhan kutipan yang telah diterima oleh Majlis pada bulan Oktober adalah sebanyak RM 490,496.
- 2.4 Bagi prestasi kutipan tanpa tunai yang diperolehi Majlis sehingga 31 Oktober 2024 adalah sebanyak 74.63%.

### **3. MAJLIS CABUTAN BERTUAH UNTUK KEMPEN DAFTAR BAYAR DAN MENANG BAGI CUKAI TAKSIRAN KAWASAN KAMPUNG**

- 3.1 Saya ingin memaklumkan bahawa Kempen Daftar Bayar dan Menang cukai taksiran bagi kawasan perumahan kampung telahpun tamat pada 31 Oktober 2024. Oleh itu, pemilik yang telah mendaftar bil digital dan telah membuat bayaran penuh berpeluang memenangi hadiah utama dan pelbagai hadiah barangan elektrik menarik seperti yang termaktub dalam terma dan syarat.
- 3.2 Saya bersama Tuan Penolong Setiausaha dan Ahli-Ahli Majlis telah menyempurnakan sesi cabutan bertuah ini yang berlangsung pada hari Jumaat bersamaan dengan 22 November 2024 di Lobi Menara MPS.

3.3 Hadiah kepada pemenang akan disampaikan pada Majlis Cabutan Bertuah Perdana yang akan diadakan pada hari Ahad bersamaan dengan 15 Disember 2024 bertempat di lokasi yang sama.

#### **4. PENGISYTIHARAN GOMBAK-HULU LANGAT GEOPARK SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN NEGERI SELANGOR**

4.1 Seterusnya, pada 16 November 2024 lalu Gombak-Hulu Langat Geopark (GHLGp) telah diisytiharkan sebagai kawasan Geopark Kebangsaan pertama di Negeri Selangor yang merangkumi kawasan seluas 112,955 hektar merentasi daerah Gombak dan Hulu Langat.

4.2 Istiadat perasmian Gombak-Hulu Langat Geopark telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj bertempat di Taman Ekstrem Gua Damai.

4.3 Untuk makluman semua, Gombak-Hulu Langat Geopark mempunyai 21 geotapak, lima bio tapak, tujuh tapak budaya dan sejarah, antaranya Batu Caves dan Batu Arang, yang masing-masing mempunyai ciri khas tersendiri.

## **5. FIESTA MAKANAN WARISAN SELANGOR 2024**

- 5.1 Seterusnya, Majlis turut terlibat sebagai salah satu daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menyertai Fiesta Makanan Warisan Selangor 2024 bertempat di Pantai Bagan Lalang, Kuala Langat.
  
- 5.2 Pada program anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) ini, Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan mencemar duli merasmikan program ini dan menyampaikan sijil penghargaan kepada 12 PBT atas penyediaan pavilion makanan warisan mengikut daerah di Selangor.
  
- 5.3 Untuk daerah Gombak, Majlis bersama-sama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah menghidangkan Lemang Daun Lerek, Ubi Rebus, Sambal Tumis dan Kuih Bingka Ubi. Lebih 2400 pek makanan tradisional ini telah diedarkan kepada tetamu yang datang ke pavilion daerah Gombak.

5.4 Program ini juga berperanan untuk menyokong pengusaha dan penggiat makanan warisan di samping menjadikan kulinari masakan tradisional sebagai salah satu tarikan pelancong.

## **6. PASUKAN RAGBI MAKSAK SELANGOR JUARA KEJOHANAN MAKSAK GAMES 2024**

6.1 Selain itu, Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Negeri Selangor pada tahun ini telah melantik MPS selaku Pengerusi Sukan bagi Pasukan Ragbi MAKSAK Selangor.

6.2 Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan sekalung tahniah buat Pasukan Ragbi Negeri Selangor sekali lagi dinobatkan sebagai juara bertahan selepas menewaskan Pasukan MAKSWIP Kuala Lumpur dalam perlawanan akhir Kejohanan MAKSAK Games 2024 yang berlangsung di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Kota Bharu, Kelantan pada 14 hingga 17 November lalu.



## 7. KARNIVAL ALAM SEKITAR MPS 2024

7.1 Saya dengan sukacitanya ingin maklumkan bahawa MPS akan menganjurkan **Karnival Alam Sekitar MPS 2024** yang akan berlangsung pada **7 Disember 2024** di Padang Awam, Kampung Baru, Batu Caves. Majlis ini akan disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

7.2 Karnival ini diadakan bagi memberi kesedaran awam mengenai kepentingan amalan kitar semula dan menerapkan budaya 3R (Reuse, Reduce & Recycle) bagi mengekalkan persekitaran yang bersih dan hijau.

7.3 Pelbagai pengisian menarik yang akan diadakan seperti pertandingan *plogging*, pertandingan mewarna kanak-kanak, pemeriksaan kesihatan, jualan penjaja dan *food truck* serta Program Basmi Tikus di mana kaunter tangkap dan bayar akan dibuka semasa karnival ini berlangsung.

7.4 Saya berharap semua jabatan dapat memberi kerjasama sepenuhnya untuk persiapan dan pada hari program berlangsung agar segala yang dirancang berjalan lancar. Insya-Allah.

## **8. PROGRAM GEOPARK EXPLORACE : TEROKA WARISAN BATU ARANG 2024**

8.1 Untuk makluman semua, penyertaan bagi Program Geopark Explorace : Teroka Warisan Batu Arang yang akan berlangsung pada 14 Disember 2024 masih dibuka kepada pasukan yang berminat untuk bersama-sama merasai pengalaman aktiviti berbentuk ekplorasi dan jelajah ini.

8.2 Program ini merupakan anjuran tahunan MPS untuk mempromosikan kawasan pelancongan di perbandaran Selayang. Ia juga bersempena pengisytiharan Bandar Warisan Batu Arang sebagai salah satu lokasi Gombak-Hulu Langat Geopark.

## **9. PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH PERINGKAT MPS 2024**

9.1 Sempena sesi persekolahan tahun 2025 yang akan datang, Majlis tidak ketinggalan untuk menyalurkan bantuan dari segi persiapan persekolahan kepada anak-anak yatim, golongan asnaf serta anak-anak golongan B40 menerusi Program Ceria Kembali Ke Sekolah.

9.2 Menerusi Program anjuran bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Gombak ini, pihak Majlis akan menyerahkan bantuan berbentuk sumbangan baucer pembelian melalui pihak tabika dan tadika untuk pelajar berkeelayakan yang akan memasuki darjah 1 pada sesi persekolahan tahun 2025.

## **10. PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG PERINGKAT MPS 2024**

10.1 Untuk makluman semua, Program Masih Ada Yang Sayang Peringkat MPS 2024 akan diadakan pada 27 November 2024 bagi menyantuni anak yatim dan asnaf, warga emas mahupun orang kurang upaya (OKU).

10.2 Program yang turut berkolaborasi bersama Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) ini akan melaksanakan aktiviti riadah bersama dengan anak-anak yatim dan asnaf menerusi lawatan ke Petrosains dan Aquaria KLCC.

10.3 Saya berharap program seumpama ini dapat mendidik masyarakat agar peka dan prihatin kepada golongan yang lebih memerlukan. Saya juga berharap program-program seperti ini menjadi pemangkin kepada kesejahteraan dan kelestarian warga perbandaran Selayang.

Itu sahaja daripada saya. Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# CATATAN